



قناوي اى كاو اعن نكري ترغكانو
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU

PERB.TR.K/30/18/02/1-(70)

12 Mei 2019

7 Ramadan 1440H

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Badan Berkanun/Agenzi Negeri Terengganu
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

YB Dato' / Tuan / Puan

PENILAIAN SEMULA BAJET NEGERI TERENGGANU TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kebergantungan Kerajaan Negeri kepada Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) adalah sebanyak 80% daripada keseluruhan anggaran hasil tahun 2019. Bermula tahun ini, Kerajaan Negeri akan berkurangan hasil pendapatan daripada DKKP atau Bayaran Tunai Petroleum sebanyak 25%.

3. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan langkah-langkah kawalan perbelanjaan dan penilaian semula Bajet Negeri Tahun 2019. Antara langkah tersebut adalah melalui **pemotongan 25% Bajet Mengurus PTJ kecuali perbelanjaan Tanggungan dan Emolumen, pemotongan 25% Bajet Pembangunan PTJ dan pemotongan 25% caruman kepada Agenzi, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.**

4. Pemotongan ini tidak tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan kepada **Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)** dan **Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)** di bawah vot B.32 dan P.02. Berikutan dengan pemotongan 25% ini, tiada lagi sekatan terhadap **perbelanjaan 1/3 bagi setengah tahun pertama daripada jumlah peruntukan tahun 2019**. Surat Pentadbiran ini PERB.TR.U/16/01/01/4-(17) bertarikh 13 Januari 2019 adalah dibatalkan.

5. Diharap dengankekangan kewangan ini, semua Pegawai Pengawal dapat menguruskan perbelanjaan secara teliti, cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“Berbelanja Berhemat Membawa Keberkatan”



(2)

“ TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD ZAHARI BIN MD AZAHAR)

s.k.: - Bendahari Negeri
Terengganu

Pengarah Audit Negeri
Terengganu

PERB.TR.K/30/18/02/1-(70)

“ Berbelanja Berhemat Membawa Keberkatan ”